

**HUBUNGAN ANTARA KECERDASAN EMOSI
DENGAN KEPUASAN KERJA DAN KOMITMEN
ORGANISASI DALAM KALANGAN GURU DI
SEKOLAH MENENGAH**

NOORHAFEZA HERLIANI BINTI ADEY

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN IJAZAH
SARJANA PSIKOLOGI**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2015**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti hubungan kecerdasan emosi, kepuasan kerja, dan komitmen organisasi dalam kalangan guru sekolah menengah sekitar Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah reka bentuk tinjauan. Seramai 310 orang guru yang mengajar sepenuh masa di 19 buah sekolah menengah sekitar Bandaraya Kota Kinabalu, Sabah telah dijadikan subjek kajian. Alat kajian *Emotional Competence Inventory (ECI)* telah digunakan untuk mengukur kecerdasan emosi, alat kajian *Job Satisfaction Survey (JSS)* untuk mengukur kepuasan kerja dan alat kajian *Organizational Commitment Scale (OCS)* untuk mengukur komitmen organisasi guru. Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan ujian statistik deskriptif yang merangkumi kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai. Sementara analisis inferensi pula melibatkan korelasi Pearson, Ujian-t sampel bebas, ANOVA sehala sampel bebas dan Regresi hirarki. Hasil analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara kecerdasan emosi, kepuasan kerja dan komitmen organisasi guru. Bagi analisis Ujian-t sampel bebas pula, hanya perbezaan komitmen guru berdasarkan jantina yang menunjukkan perbezaan yang signifikan. Seterusnya, bagi analisis ANOVA sehala menunjukkan terdapat perbezaan kecerdasan emosi, kepuasan kerja dan komitmen organisasi berdasarkan kategori umur guru. Walau bagaimanapun, analisis regresi hirarki menunjukkan kecerdasan emosi tidak bertindak sebagai moderator dalam kajian ini. Dapatan kajian ini diharap dapat mencadangkan alternatif penyelesaian dalam membentuk pasukan kerja pendidikan yang dapat memenuhi aspirasi kerajaan dan masyarakat, dan menjadi asas perbincangan di antara pegawai pendidikan dengan pihak yang berwajib mengenai terma-terma perkhidmatan dalam mencapai matlamat bersama, selain dapat memberi manfaat secara langsung kepada orang ramai yang menjadi pelanggan kepada perkhidmatan pendidikan kerajaan. Seterusnya dapatan kajian ini akan menambah koleksi sorotan karya dalam bidang ini.